

21 APR 1997

Hungary-lawatan

PERDANA MENTERI HUNGARY MEMULAKAN LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn dan isteri, Anna Horn, diberi sambutan permaidani merah di Dataran Parlimen pagi ini bagi memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Horn yang diiringi oleh rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada 106 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di bawah pegawai memerintah Mejar Hamdi Abdul Rahman sebelum diperkenalkan kepada barisan anggota jemaah menteri dan ketua perwakilan asing.

Terdahulu Horn dan delegasinya disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar setibanya dari Langkawi selepas menghabiskan lawatan peribadi selama dua hari di pulau peranganin itu.

Horn dan delegasinya akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri diikuti dengan upacara menandatangani perjanjian kerjasama sains dan teknologi antara kedua-dua pihak.

Pada sebelah petangnya, pemimpin Hungary itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara sebelum mendengar taklimat di Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Horn dan isteri kemudian akan dibawa melawat Menara Kuala Lumpur dan menara kembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Mereka akan diraikan oleh Dr Mahathir pada satu majlis makan malam di Sri Perdana, malam ini.

Esok, Horn dan delegasi akan menghadiri majlis taklimat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia dan selepas itu melawat Menara Maybank.

Perdana Menteri Hungary itu kemudian akan menghadiri Seminar Pelaburan Hungary di sebuah hotel terkemuka di sini dan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan (Matrade) dan ITD-Hungary.

Beliau juga akan merasmikan pembukaan pameran perdagangan Hungary.

Pada tengah harinya, Horn akan menjadi tetamu Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) di satu majlis makan tengah hari sebelum meneruskan lawatannya ke kilang kereta Proton di Shah Alam.

Sebelum berlepas ke Singapura untuk pulang, Horn dan isteri akan menerima kunjungan perpisahan oleh Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah.-- BERNAMA

ZAB OBA